




PERKHIDMATAN AWAM ABAD KE-21

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KANDUNGAN

Isi	Muka Surat
Sekapur Sirih.....	2
Kata Alu-aluan	4
Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam	6
Abad Ke-21	7
Cabaran	8
Wawasan	9
Matlamat	10
Peranan	11
Fokus	12
Strategi	13
Mekanisme	16
Penutup	17

SEKAPUR SIRIH



Alhamdulillah dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala, usaha untuk meningkatkan lagi prestasi, kualiti dan produktiviti Perkhidmatan Awam dapat dilakukan oleh Kerajaan Kebawah Dul Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuar Negara Brunei Darussalam dari masa kesemasa. Menyedari akar cabaran, pergolakan dan persaingan di abad ke 21, satu wawasan yang bergelar **“Perkhidmatan Awam Abad Ke 21”** telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet. Pengenalan wawasan ini bertujuan untuk memberikan tujuarah dan fokus serta menyatukan usaha-usaha yang telah, sedang dan akan diungkayahkan oleh Perkhidmatan Awam bagi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Wawasan ini akan diterajui oleh Jawatankuasa Pemandu (Steering Committee) yang terdiri dari semua Setiausaha Tetap bagi membolehkan strategi-strategi yang melibatkan semua Kementerian dan Jabatan dapat dilaksanakan secara bersepadu dan terancang.

Memandangkan kepada cabaran-cabaran globalisasi dan meningkatnya jangkaan orang ramai terhadap perkhidmatan-perkhidmatan serta usaha-usaha penambahbaikan, pembaharuan pentadbiran yang disediakan oleh Kerajaan, memerlukan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam memainkan peranan kearah perubahan minda dan sikap positif untuk mempertingkatkan lagi keberkesanan pentadbiran dan pengurusan, selaras dengan kemampuan, keupayaan dan keperluan negara di dalam persekitaran yang sihat dan selamat.

Bagi memenuhi kehendak Perkhidmatan Awam yang benar-benar dihasratkan menjelang Abad Ke 21, adalah penting bagi Perkhidmatan Awam mempunyai Iltizam dan unsur-unsur kecemerlangan berasaskan aspirasi dan falsafah negara yang diredhai oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Kearah itu, sokongan dan kerjasama sepenuhnya dari semua anggota Perkhidmatan Awam terhadap pelaksanaan wawasan ini adalah sangat-sangat diharapkan.


Semoga keterangan-keterangan yang dimuatkan dalam buku ini akan dapat dijadikan rujukan dan panduan dalam melaksanakan usaha kita semua kepada perkara-perkara yang mendatangkan kebajikan dan kemanfaatan kepada Negara Brunei Darussalam.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

[DATO PADUKA HAJI HAZAIR BIN HAJI ABDULLAH]

Setiausaha Tetap
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

KATA ALU-ALUAN



Kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala yang amat pemurah lagi mengasihi kerana dengan limpah kurniaNya jua dan usaha yang bersepadu dari semua yang terlibat, Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Jabatan Perdana Menteri dapat menghasilkan penerbitan buku ***“Perkhidmatan Awam Abad ke 21”***.

Walaupun buku ini bercorak ringkas tetapi dapat mencerminkan usaha berterusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam yang positif ke arah menghadapi cabaran dan jangkaan globalisasi supaya Perkhidmatan Awam dapat berfungsi dengan cekap, berkualiti dan berkesan mengikut zaman.

Adalah diharapkan wawasan Perkhidmatan Awam Abad ke 21 yang terkandung dalam buku ini akan dapat direalisasikan, disebarluaskan dan dijadikan sumber rujukan dan asas panduan dalam melahirkan Perkhidmatan Awam yang cemerlang serta diredhai oleh Allah Subhanahu Waataala jua.

Pencapaian matlamat dan objektif wawasan Perkhidmatan Awam Abad ke 21 ini, berkehendakkan kerjasama, penyelarasan, rasa tanggungjawab dan komitmen dari semua lapisan anggota Perkhidmatan Awam.

Sehubungan dengan Wawasan Perkhidmatan Awam Abad ke 21 ini, marilah kita merujuk Syair Asli Rajang Hari, muka surat 29 (1967) yang ditulis oleh Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, penyair Di Raja, dalam memikirkan amanah dan tanggungjawab Baginda memperbaiki dan meningkatkan usaha dan pekerjaan ke arah yang dihasratkan untuk kemajuan pembangunan, kebajikan dan keamanan rakyat dan negara :

*Sebagai tanggungan laila Kerajaan,
Laila bahagia jadi kiraan
Memperbaiki usaha dan pekerjaan
Untuk keamanan laila pujaan.*

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

TITAH

**Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
bersempena Pemasyhuran Kemerdekaan
pada 1 Januari 1984**



“Negara Brunei Darussalam adalah dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wataala, akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan dengan berasaskan keadilan, amanah dan kebebasan dan dengan petunjuk serta keredaan Allah Subhanahu Wataala jua akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi rakyat Negara Brunei Darussalam”.


ABAD KE-21



Abad 21 sudah pasti akan menjanjikan satu era yang penuh dengan pelbagai pergolakan dan persaingan. Dalam menghadapi perkembangan dan kesan globalisasi serta cabarannya, perubahan minda serta sikap perlu diberikan perhatian bagi mengembangmajukan sebuah Perkhidmatan Awam yang berupaya memainkan peranan yang semakin meluas serta mencabar dengan positif dan berkesan. Kearah ini, satu wawasan yang bergelar **Perkhidmatan Awam Abad Ke-21** telah dibentuk.

CABARAN

Cabaran-cabaran yang pasti dihadapi oleh Negara Brunei Darussalam termasuklah :



KEHENDAK DAN KESAN GLOBALISASI

Peluang-peluang ekonomi yang semakin meluas memerlukan setiap negara untuk bekerjasama dan masing-masing perlu meningkatkan lagi keupayaan dan kemampuan untuk bersaing di antara satu dengan yang lain



KETAHANAN DAN DAYA SAING

Perlunya meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan sihat bagi meninggikan lagi taraf kehidupan dan kesejahteraan rakyat serta penduduk




EKSPEKTASI YANG MENINGKAT


Peningkatan mutu perkhidmatan untuk memenuhi jangkaan orang ramai bagi mencapai kualiti kehidupan yang dihasratkan

WAWASAN

Untuk Menjadikan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam yang sentiasa membangun dan berusaha dengan gayanya tersendiri menurut calak Islam dalam persekitaran yang sihat dan selamat di bawah inayah dan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala



MATLAMAT



PERANAN

Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam yang merupakan sebagai jentera penggerak pentadbiran Negara ini memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat. Selaras dengan itu, Perkhidmatan Awam perlu meneruskan peranan tradisinya sebagai pemelihara keamanan, penguatkuasa undang-undang, pengawalatur dan penyedia perkhidmatan.

Walaubagaimanapun, mengambilkira akan tuntutan persekitaran yang semakin mencabar dan penuh dayasaing, peranan Perkhidmatan Awam itu sendiri perlu menjalani perubahan minda dan sikap. Perkhidmatan Awam perlu berperanan atau bertindak sebagai:

PEMUDAHCARA

Dalam memainkan peranannya selaku pemudahcara, Perkhidmatan Awam hendaklah sentiasa memperbaiki dan mempertingkatkan lagi kualiti perkhidmatan bagi memudahkan orang ramai berurusan dengan Kerajaan. Sebagai contoh, dalam usaha untuk mempelbagaikan ekonomi negara ini, penambahbaikan dan pembaharuan ke atas proses, prosedur, peraturan dan lain-lain adalah dimaksudkan bagi memudahkan dan mempercepatkan perkembangan sektor swasta di negara ini.

PENGEMBANGMAJU DAN PEMBAWA PEMBAHARUAN


Perkhidmatan Awam sebagai pengembangmaju dan pembawa pembaharuan perlu sentiasa mempunyai anggota yang berilmu, kreatif dan inovatif serta berkemahiran, berdaya fikir dan berdaya cipta dalam merancang sesuatu secara sistematik dan strategik. Dalam masa yang sama berupaya untuk memperkenalkan dan melaksanakan program atau ide-ide dan kaedah-kaedah baru yang boleh membantu dalam memudahkan kerja peningkatan kualiti kerja serta menjimatkan penggunaan sumber-sumber seperti kewangan dan tenaga manusia

PEMIKIR

Sebagai sebuah jentera Kerajaan, Perkhidmatan Awam perlu memainkan peranan sebagai pemikir kepada Kerajaan dimana cetusan ide-ide dan tindakan-tindakan yang membina dan positif sangat diperlukan dalam memantapkan lagi pentadbiran Kerajaan.

Dalam masa yang sama, penerapan nilai murni dan etika kerja positif serta perubahan minda dan sikap perlu sentiasa dipertingkatkan bagi membolehkan Perkhidmatan Awam memberikan sumbangan bakti yang terbaik dan cemerlang kepada orang ramai dan negara dengan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala.

FOKUS



STRATEGI

Beberapa strategi pengurusan perlu diatur bagi memastikan kesinambungan kearah usaha mencapai wawasan dan matlamat Perkhidmatan Awam Abad Ke-21. Strategi yang perlu diperkembangkan hendaklah melibatkan usaha-usaha inovatif bagi mengemaskini dan menambahbaikan dasar dan struktur, di samping mewujudkan kesan positif terhadap pelaksanaan organisasi.

Di antara strategi yang mendatangkan kesan positif terhadap struktur, dasar dan pelaksanaan organisasi termasuklah :



RUKUN AKHLAK DAN ETIKA KERJA PERKHIDMATAN AWAM

Dalam menerajui kemajuan negara dan pembangunan rakyat, anggota Perkhidmatan Awam perlu mengamalkan dan menghayati rukun akhlak dan etika kerja serta amalan pengurusan menurut ajaran agama Islam sepertimana yang telah digariskan dalam Buku Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam, iaitu melalui ciri-ciri berikut :

- i- Bersih, jujur dan amanah amalan mulia;
- ii- Cekap, cepat dan tepat tuntutan kerja;
- iii- Titih, lutan dan menghargai masa asas kejayaan;
- iv- Berilmu, kreatif dan inovatif asas kebaktian;
- v- Beriltizam, keterbukaan dan akauntabiliti mengukuhkan keberkesanan;
- vi- Sabar, tabah dan bersopan santun amalan terpuji;
- vii- Meningkatkan produktiviti dan daya saing menambah penghasilan;
- viii- Qudwah dan qiyadah teladan kepimpinan;
- ix- Setiakawan, syura dan bermuafakat membawa berkat;
- x- Berjimat cermat asas kemakmuran; dan,
- xi- Pemedulian asas perpaduan.




RANCANGAN PENELITIAN SEMULA KE ATAS PERKHIDMATAN AWAM

Peningkatan kecekapan dan keberkesanan pentadbiran dan pengurusan dalam Perkhidmatan Awam adalah merupakan tujuan utama program ini diperkenalkan, yangmana ianya menumpukan perhatian kepada pentadbiran dan pengurusan organisasi. Ini adalah perlu bagi mewujudkan ketelusan dalam Perkhidmatan Awam.



PENELITIAN SEMULA KE ATAS UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN-PERATURAN

Dalam menjalani arus perkembangan globalisasi, berkemungkinan terdapat undang-undang dan peraturan-peraturan tertentu yang tidak lagi bersesuaian dan memerlukannya untuk diubahsuai menurut kehendak persekitaran dan perkembangan Perkhidmatan Awam Abad Ke 21.



KUMPULAN KERJA CEMERLANG

Budaya maju adalah merupakan salah satu aspek penting dan perlu diberikan perhatian yang sewajarnya bagi mewujudkan kecemerlangan Perkhidmatan Awam. Pihak pentadbiran dan pengurusan perlu menekankan amalan dan penghayatan budaya kerja cemerlang dalam Perkhidmatan Awam bagi meningkatkan lagi prestasi, kualiti dan produktiviti organisasi masing-masing. Salah satu amalan budaya kerja cemerlang yang perlu ditekankan ialah program Kumpulan Kerja Cemerlang, yangmana ianya memberi fokus kepada kerja secara berkumpulan dikalangan pegawai dan kakitangan.




TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI

Untuk memberikan perkhidmatan dan memenuhi kehendak orang ramai, serta menangani keperluan sektor swasta sebaik mungkin, setiap agensi Kerajaan perlu meningkatkan iltizam dan akauntabiliti masing-masing terhadap peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan dan kepuasan hati orang ramai. Melalui strategi pengurusan yang bergelar Tekad Pemedulian Orang Ramai, Perkhidmatan Awam akan sentiasa peka, responsif dan proaktif terhadap perkembangan globalisasi, kehendak orang ramai dan tuntutan persekitaran.



PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA


Sumber tenaga manusia adalah merupakan aset yang penting bagi menggerakkan organisasi ke arah pencapaian matlamat yang ditetapkan. Menyedari hakikat ini, organisasi perlu membuat pengurusan dan perancangan mengenai sumber tenaga manusia dengan lebih teratur dan bersistematik dari segi pengambilan, penempatan, latihan, pembangunan tenaga manusia, perancangan penggantian dan sebagainya. Inisiatif ini bukan hanya bermaksud untuk menghasilkan anggota Perkhidmatan Awam yang bersesuaian dan bertepatan dengan bidang tugas dan tanggungjawab organisasi tersebut; serta memastikan pengurusan yang berkesan, responsif dan dinamik disamping meningkatkan akauntabiliti pengurusan; malahan ianya juga bermaksud bagi mewujudkan pegawai dan kakitangan yang mempunyai daya tahan dan daya saing.



ANUGERAH CEMERLANG PERKHIDMATAN AWAM

Strategi ini adalah dimaksudkan untuk memberkesankan lagi Rancangan Penelitian Semula Ke Atas Perkhidmatan Awam, yang mana di antara tujuannya termasuklah bagi membantu dalam pencapaian objektif-objektif penambahbaikan dan pembaharuan dalam pentadbiran dan pengurusan Perkhidmatan Awam. Selaras dengan tujuannya, strategi ini memainkan peranan yang penting ke arah mewujudkan ketelusan dalam Perkhidmatan Awam

MEKANISME



PENUTUP

**Petikan-petikan Titah
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam**



“..... Apabila semua tenaga bersatu dan menggunakan peta perjalanan yang satu, maka Insya Allah negara akan selamat dan kita akan terus maju.....”

Bersempena menyambut tahun baru pada 1 Januari 1996

“.....Kita mahu melihat negara kita terus-menerus berada di dalam aman, makmur serta maju, seiring dengan warga dan bangsa dunia yang lain. Kita juga ingin negara kita menikmati kestabilan. Kita juga mahu menjadi bangsa yang berilmu, berkemahiran dan berpengetahuan tinggi serta cemerlang disegenap bidang.....”

“.....Kita inginkan sektor swasta yang dinamik dan berdaya maju serta mempunyai daya saing yang tinggi, sebagaimana juga kita mahu sektor awam dan perkhidmatan awam yang berteraskan kecermerlangan serta etika kerja yang tinggi.....”

Bersempena menyambut tahun baru pada 1 Januari 2000

“.....Kerjasama erat dan padu diantara Kerajaan dan Swasta amatlah mustahak untuk menentukan negara ini dapat menarik pelabur-pelabur bagi melabur didalamnya....Sektor Kerajaan bertindak selaku regulator, manakala sektor swasta berperanan sebagai penggerak ekonomi.”

Bersempena menyambut Hari Kebangsaan ke-16 pada 23 Februari 2000.